



Kenyataan Media

MUAT NAIK KANDUNGAN DI MEDIA SOSIAL SECARA BERHEMAH DAN BERTANGGUNGJAWAB

CYBERJAYA, 15 November 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menasihatkan pengguna media sosial agar sentiasa beretika dan bertanggungjawab ketika berkongsi kandungan, khususnya sepanjang musim pilihan raya.

MCMC menegaskan bahawa perbezaan pandangan politik merupakan sebahagian daripada amalan demokrasi, namun hendaklah dizahirkan secara sopan, berhemah dan tidak melanggar undang-undang.

Platform digital perlu digunakan sebagai saluran untuk menyebarkan maklumat yang sahih dan membina, bukan tempat menabur kebencian, hasutan atau penghinaan terhadap mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keharmonian dan kestabilan negara.

Di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], penggunaan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi bagi menyebarkan kandungan berunsur hasutan, penghinaan terhadap agama, kaum atau Institusi Diraja (3R), serta kandungan lucah, palsu, mengancam atau jelik melampau adalah dilarang.

Sabit kesalahan, individu boleh didenda sehingga RM500,000 atau dipenjarakan maksimum dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali. MCMC akan mengambil tindakan tegas, termasuk siasatan dan penguatkuasaan terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang.

MCMC turut bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memastikan akauntabiliti, serta ketenteraman awam terpelihara.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

